Insurans Hayat

# ETIQA CRITICAL CARE PLUS – SOALAN LAZIM

<table>
<tr><th colspan="2">SEKSYEN 1 – MENGENAI PELAN</th></tr>
<tr><td rowspan="2">1.</td><td>Apakah Etiqa Critical Care Plus?</td></tr>
<tr><td>Etiqa Critical Care Plus merupakan satu pelan insurans yang memberi perlindungan kepada penyakit kritikal sehingga umur 70 tahun. Di samping itu, ia juga memberikan perlindungan manfaat penjagaan kanser dan elaun tunai penyakit berjangkit.<br>Sila rujuk kepada helaian pendedahan produk atau polisi untuk pengecualian-pengecualian, terma dan syarat Etiqa Critical Care Plus yang terperinci.</td></tr>
<tr><td rowspan="2">2.</td><td>Apakah manfaat yang ditawarkan oleh Etiqa Critical Care Plus?</td></tr>
<tr><td>Manfaat-manfaat yang ditawarkan adalah seperti yang berikut, tertakluk kepada pengecualian-pengecualian, terma dan syarat yang dinyatakan di dalam polisi:
<table>
<tr><th>Manfaat-manfaat</th><th>Bayaran Manfaat</th></tr>
<tr><td>Manfaat Penyakit Kritikal</td><td>100% jumlah yang diinsuranskan akan dibayar apabila diagnosis dengan mana-mana penyakit kritikal yang dilindungi.<br>Sila rujuk kepada helaian pendedahan produk untuk senarai penuh penyakit kritikal yang dilindungi.<br>Nota: 10% jumlah yang diinsuranskan atau maksimum RM25,000 akan dibayar untuk diagnosis Kanser Berperingkat Awal, Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, Penyakit Mental Teruk dan Komplikasi Diabetes Mellitus. Setiap penyakit yang dilindungi akan dibayar sekali sahaja. Bayaran manfaat-manfaat ini akan mengurangkan jumlah yang diinsuranskan sewajarnya.</td></tr>
<tr><td>Manfaat Penjagaan Kanser</td><td>Sekiranya orang yang diinsuranskan didiagnosis dengan kanser dan hidup sekurang-kurangnya 30 hari dari tarkh diagnosis, tambahan 50% daripada jumlah yang diinsuranskan akan dibayar, di atas manfaat penyakit kritikal.<br>Nota: bayaran manfaat ini TIDAK akan mengurangkan manfaat penyakit kritikal.</td></tr>
<tr><td>Elaun Tunai Penyakit Berjangkit</td><td>Manfaat tunai sebanyak RM300 akan dibayar sekali gus sekiranya orang yang diinsuranskan didiagnosis dan dimasukkan ke hospital di Malaysia disebabkan oleh penyakit berjangkit yang dilindungi berikut:<br>1. COVID-19;<br>2. Denggi; atau<br>3. Sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang.<br>Manfaat ini akan dibayar sehingga 2 kali sepanjang tempoh polisi, tertakluk kepada 1 tuntutan setiap polisi dalam satu tahun polisi dan RM3,000 setiap hayat.</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td rowspan="2">3.</td><td>Siapakah yang sesuai untuk produk ini?</td></tr>
<tr><td>Produk ini sesuai bagi individu yang mencari pelan perlindungan penyakit kritikal dengan kadar premium yang berpatutan untuk diri sendiri, pasangan dan anak-anak.</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>Siapakah yang layak untuk menyertai pelan ini?</td></tr>
</table>

| | |
|---|---|
| | Pelan ini ditawarkan kepada Warganegara Malaysia yang juga ahli-ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Premium akan ditolak dari akaun KWSP anda, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat KWSP.<br>Selain itu, sebagai ahli KWSP, anda boleh menyertai pelan ini bersama dengan ahli-ahli keluarga anda. Sila rujuk ke *Seksyen 5 – Pakej Keluarga* untuk maklumat lanjut. |
| **5.** | **Apakah umur kelayakan untuk memohon pelan ini?** |
| | Umur kelayakan untuk permohona adalah seperti yang berikut: |

| Orang Yang Diinsuranskan | Umur Kemasukan (Umur pada hari jadi berikutnya) | Umur Tamat Tempoh (Umur pada hari jadi berikutnya) |
|---|---|---|
| **Ahli KWSP** | 17 – 65 tahun | 70 tahun |

| | |
|---|---|
| **6.** | **Apakah itu umur pada hari jadi berikutnya?** |
| | Penerimaan permohonan ini berdasarkan umur anda pada hari jadi berikutnya. Umur pada hari jadi berikutnya bermakna umur anda pada hari jadi seterusnya. Sekiranya anda telah menyambut hari jadi ke-30, hari jadi anda yang seterusnya adalah 31, jadi umur anda pada hari jadi berikutnya adalah 31 tahun. |
| **7.** | **Bagaimanakah saya tahu jumlah perlindungan yang diperlukan oleh saya di bawah pelan ini?** |
| | Sila layari https://www.mycoverage.my/kalkulator/perlindungan_hayat_bertempoh untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang perlindungan yang anda perlukan dan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan berdasarkan pendapatan, perbelanjaan dan tanggungjawab kewangan semasa anda dengan kalkulator yang disediakan. |
| **8.** | **Bagaimanakah boleh saya membeli Etiqa Critical Care Plus?** |
| | Log masuk ke Portal KWSP i-Akaun -> masuk ke tab \`i-Lindung' -> pilih Etiqa Critical Care Plus -> lengkapkan maklumat di portal Etiqa -> lengkapkan kebenaran untuk potongan daripada Akaun KWSP melalui Gerbang Pemindahan ("Transfer Gateway") KWSP i-Akaun. |
| **9.** | **Bagaimanakah saya akan mendapatkan pengesahan bagi permohonan saya? Bilakah pelan perlindungan ini akan bermula?** |
| | Pengesahan bagi permohonan anda adalah serta merta. Perlindungan akan bermula pada hari permohonan diterima tertakluk kepada premium diterima oleh kami. Dokumen-dokumen polisi dan resit pembayaran akan dihantar melalui e-mel kepada anda.<br>Anda boleh melihat perlindungan bagi polisi yang aktif dari platfom i-Lindung melalui i-Akaun (Ahli) KWSP. Selain itu, anda juga boleh dapatkan butiran polisi tersebut dengan muat turun aplikasi Etiqa+ melalui App Store atau Google Play.<br>Sementara itu, pembayaran premium yang tidak berjaya akan mengakibatkan polisi anda dibatalkan dari hari permohonan anda diterima. |
| **10.** | **Adakah pemeriksaan perubatan diperlukan semasa permohonan?** |
| | Tiada pemeriksaan perubatan diperlukan, anda perlu melengkapkan beberapa soalan kesihatan yang ringkas untuk kami menentukan kelayakan anda untuk memohon Etiqa Critical Care Plus. |
| **11.** | **Berapakah jumlah yang diinsuranskan minimum dan maksimum untuk pelan ini?** |
| | Jumlah yang diinsuranskan minimum pelan in adalah RM10,000, dengan peningkatan setiap RM5,000. |

Jumlah yang diinsuranskan maksimum pelan in adalah RM200,000.

Nota:

Sila rujuk kepada Q40 dibawah Seksyen 5 – Pakej Keluarga untuk kelayakan ahli-ahli keluarga.

**12. Bolehkah saya mengubah jumlah yang diinsuranskan bagi polisi Etiqa Critical Care Plus?**

Anda tidak dibenarkan untuk meningkatkan jumlah yang diinsuranskan bagi Etiqa Critical Care Plus. Sekiranya anda ingin mendapatkan perlindungan tambahan, anda boleh membeli polisi Etiqa Critical Care Plus yang baru.

Pengurangan jumlah yang diinsuranskan adalah dibenarkan, pengunderaitan dan pemeriksaan perubatan tidak diperlukan. Jumlah yang diinsuranskan baru akan berkuatkuasa pada ulang tahun polisi seterusnya.

**13. Adakah tempoh menunggu berkenaan dengan Etiqa Critical Care Plus?**

Ya, tempoh menunggu bagi Etiqa Critical Care Plus adalah seperti jadual berikut:

| Manfaat-manfaat | Keadaan Penyakit Kritikal | Tempoh Menunggu |
|---|---|---|
| Manfaat Penyakit Kritikal | Kanser, penyakit koronari jantung yang memerlukan pembedahan, serangan jantung, sebarang penyakit arteri koronari serius yang lain | 60 hari |
| | Semua penyakit lain yang dilindungi | 30 hari |
| Manfaat Penjagaan Kanser | Kanser | 60 hari |
| Elaun Tunai Penyakit Berjangkit | Denggi, COVID-19, dan sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang. | 60 hari |

**14. Apakah pengecualian-pengecualian bagi Etiqa Critical Care Plus?**

Sila rujuk kepada helaian pendedahan produk dan polisi untuk maklumat lanjut.

**15. Bolehkah warga asing membeli pelan ini?**

Tidak, pelan ini hanya ditawarkan kepada warganegara Malaysia.

**16. Bolehkah saya membeli pelan ini melalui ejen?**

Pelan ini tidak ditawarkan melalui ejen, penyertaan pelan ini hanya boleh dibuat melalui portal KWSP i-Akaun sahaja. Tiada komisen dibayar untuk pelan ini.

**17. Saya sudah mempunyai polisi Etiqa Critical Care Plus sedia ada, bolehkah saya memohon polisi yang baru?**

Anda boleh menyertai dalam beberapa polisi Etiqa Critical Care Plus, sehingga amaun perlindungan yang digabungkan ialah RM 200,000.

**18. Bolehkah saya membatalkan pelan ini?**

Anda boleh membatalkan pelan ini dengan memaklumkan kepada kami secara bertulis dalam tempoh percuma 15 hari selepas polisi diterima oleh anda. Kami akan mengembalikan premium anda ke akaun KWSP anda. Sekiranya anda mencapai hari jadi ke-55, kami akan kreditkan pemulangan premium ke dalam akaun bank anda.

| | |
|---|---|
| | Anda boleh rujuk kepada portal KWSP untuk transaksi pembatalan. Sekiranya anda mencapai hari jadi ke-55, transaksi pembatalan mungkin tidak akan dipaparkan di portal KWSP dengan segera. Walau bagaimanapun, anda boleh e-mel kami at info@etiqa.com.my, atau hubungi Etiqa Oneline di 1-300-13-8888 untuk sebarang pertanyaan mengenai transaksi anda. Live Chat 24-jam juga boleh didapati di laman web kami untuk sebarang pertanyaan. |
| **19.** | **Adakah saya akan dapat nilai serahan sekiranya saya menyerah polisi saya?** |
| | Tidak, tiada nilai serahan akan dibayar untuk polisi ini. |
| **20.** | **Apakah yang akan saya terima sekiranya tiada tuntutan dibuat sepanjang tempoh polisi?** |
| | Ini adalah satu pelan perlindungan penyakit kritikal yang tulen dan ia tidak mempunyai sebarang manfaat matang. |
| **21.** | **Adakah premium yang dibayar untuk Etiqa Critical Care Plus layak untuk pelepasan cukai pendapatan?** |
| | Ya, 100% daripada premium yang dibayar untuk pelan ini mungkin melayakkan anda untuk pelepasan cukai pendapatan peribadi di bawah kategori Insurans/Takaful Keluarga Perubatan, tertakluk kepada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. |
| **SEKSYEN 2 – PREMIUM DAN CAJ** | |
| **22.** | **Berapakah premium yang perlu saya bayar?** |
| | Sila rujuk kepada helaian pendedahan produk atau halaman maklumat polisi bagi premium yang diperlukan untuk pelan ini. Anda akan dicajkan premium berdasarkan umur (umur pada hari jadi berikutnya), jantina, pakej individu/keluarga dan jumlah yang diinsuranskan pada masa permohonan.<br>Premium mungkin akan dinaikkan pada hari pertama tahun polisi berikutnya, berdasarkan umur yang telah dicapai anda. |
| **23.** | **Bagaimanakah saya membayar premium?** |
| | Premium akan dibayar melalui pemotongan automatik dari akaun KWSP, tertakluk kepada terma dan syarat KWSP.<br>Manakala, sekiranya ahli KWSP adalah unur 55 dan keatas, dan yang mempunyai kekurangan dana di dalam akaun KWSP, anda boleh membayar premium secara:<br>1) Perbankan atas talian;<br>2) Kad kredit/debit; atau<br>3) Perkhidmatan auto debit akaun perbankan (MBB dan BSN)<br>Sekiranya cara pembayaran premium atas dipilih, pengembalian ke akaun KWSP tidak dibenarkan.<br>Sila rujuk kepada laman web KWSP untuk terma dan syarat terperinci. |
| **24.** | **Apakah frekuensi pembayaran premium bagi polisi ini?** |
| | Premium adalah dibayar tahunan, dan anda perlu membayar premium sepanjang tempoh polisi. |
| **25.** | **Apakah yang akan berlaku sekiranya saya berhenti membayar premium?** |
| | Terdapat tempoh tangguh selama 31 hari dari tarikh premium perlu dibayar yang diberikan kepada anda untuk membayar premium. Anda masih dilindungi sepanjang tempoh tangguh. Jika premium yang diperlukan tidak dibayar di dalam tempoh tangguh, polisi anda mungkin luput selepas itu dan anda tidak akan berhak ke atas manfaat polisi sekiranya berlaku kejadian yang dilindungi. |
| **26.** | **Adakah caj-caj tambahan bagi Etiqa Critical Care Plus?** |

| | |
|---|---|
| | Perbelanjaan berkaitan polisi seperti kos pengurusan termasuk duti setem sebanyak RM10 telah dimasukkan ke dalam jumlah premium anda. |
| **SEKSYEN 3 – PERKHIDMATAN POLISI** | |
| **27.** | **Siapakah yang boleh saya hubungi sekiranya saya ingin mengemaskini informasi peribadi atau butiran perhubungan saya?** |
| | Anda boleh e-mel kami di info@etiqa.com.my atau hubungi Etiqa Oneline di talian 1-300-13-8888. |
| **28.** | **Apakah yang perlu dilakukan sekiranya saya kehilangan atau tidak menerima dokumen polisi?** |
| | Anda boleh e-mel kami di info@etiqa.com.my atau hubungi Etiqa Oneline di talian 1-300-13-8888. |
| **29.** | **Bagaimana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?** |
| | Anda boleh e-mel kepada kami di info@etiqa.com.my, hubungi Etiqa Oneline di talian 1-300-13-8888, atau layari laman web kami di www.etiqa.com.my untuk maklumat lanjut. Live Chat 24-jam juga boleh didapati di laman web kami untuk sebarang pertanyaan. |
| **SEKSYEN 4 - TUNTUTAN** | |
| **30.** | **Siapakah akan menerima manfaat jika saya didiagnosis dengan mana-mana penyakit kritikal yang dilindungi dalam tempoh perlindungan?** |
| | Sekiranya pemilik polisi adalah orang yang diinsuranskan, manfaat akan dibayar kepada anda apabila anda didiagnosis dengan penyakit kritikal yang dilindungi.<br>Dalam keadaan dimana pemilik polisi berlainan dengan orang yang diinsuranskan, semua manfaat akan dibayar kepada pemilik polisi jika orang yang diinsuranskan didiagnosis dengan penyakit kritikal. |
| **31.** | **Bagaimanakah untuk membuat tuntutan sekiranya kejadian yang dilindungi berlaku (didiagnosis dengan penyakit kritikal)?** |
| | Untuk maklumat lanjut tentang bagaimana untuk membuat tuntutan dan dokumen tambahan yang diperlukan, sila layari https://www.etiqa.com.my/v2/claims/life-family. Kami boleh dihubungi melalui e-mel di info@etiqa.com.my atau hubungi Etiqa Oneline di talian 1-300-13-8888. |
| **32.** | **Berapa lamakah tuntutan akan diproses?** |
| | Kami memerlukan 7 hari bekerja dari tarikh dokumen lengkap diterima untuk memproses tuntutan. |
| **SEKSYEN 5 – PAKEJ KELUARGA** | |
| **33.** | **Apakah itu pakej keluarga Etiqa Critical Care Plus?** |
| | Pakej keluarga Etiqa Critical Care Plus membolehkan anda memperolehi perlindungan penyakit kritikal kepada ahli keluarga anda dalam satu pakej insurans. Walau bagaimanapun, setiap ahli keluarga anda mempunyai fleksibiliti untuk memilih jumlah yang diinsuranskan untuk diri sendiri dan polisi individu akan dikeluarkan, dengan syarat jumlah yang diinsuranskan tidak boleh lebih daripada orang utama yang diinsuranskan. Sebagai ahli KWSP, anda adalah orang utama yang diinsuranskan dan juga pemilik polisi untuk semua polisi yang anda mohon dibawah pakej keluarga. |
| **34.** | **Siapa boleh menyertai pakej keluarga ini?** |
| | Pakej keluarga Etiqa Critical Care Plus mesti terdiri daripada sekurang-kurangnya 2 orang dalam mana-mana kombinasi berikut: |

| | |
|---|---|
| | • Ahli KWSP dan pasangan<br>• Ahli KWSP dan anak-anak<br>• Ahli KWSP, pasangan dan anak-anak |
| **35.** | **Siapakah yang layak untuk menyertai?** |
| | Warganegara Malaysia dengan lingkungan umur seperti berikut layak untuk menyertai, tertakluk kepada pemenuhan soalan-soalan kesihatan.<br>• Ahli KWSP: 17 tahun hingga 65 tahun (umur pada hari lahir berikutnya)<br>• Pasangan: 17 tahun hingga 65 tahun (umur pada hari lahir berikutnya)<br>• Anak-anak: 14 hari hingga 16 tahun (umur pada hari lahir berikutnya) |
| **36.** | **Berapa lamakah tempoh perlindungan bagi saya dan ahli keluarga saya dibawah pakej keluarga Etiqa Critical Care Plus?** |
| | Ahli KWSP: sehingga umur 70 tahun.<br>Pasangan: sehingga umur 70 tahun orang yang diinsuranskan, atau umur 70 tahun ahli KWSP, yang mana lebih awal.<br>Anak-anak: sehingga umur 25 tahun orang yang diinsuranskan, atau umur 70 tahun ahli KWSP, yang mana lebih awal. |
| **37.** | **Berapakah bilangan ahli keluarga yang boleh dimasukkan dalam pakej keluarga?** |
| | Jumlah ahli keluarga yang dibenarkan dalam pakej keluarga adalah sehingga 12 orang (hanya 1 pasangan yang dibenarkan). Contoh, ahli KWSP dengan 10 orang anak, atau ahli KWSP member dan pasangan dengan 10 orang anak.<br>*Nota: had maksimum 1 pasangan dan 10 orang anak dibenarkan untuk setiap pakej keluarga.* |
| **38.** | **Adakah ahli keluarga saya perlu menjalani sebarang pemeriksaan perubatan atau kesihatan untuk menyertai Etiqa Critical Care Plus?** |
| | Bagi permohonan pasangan, tiada pemeriksaan perubatan diperlukan, manakala pasangan anda perlu melengkapkan beberapa soalan kesihatan yang ringkas untuk kami menentukan kelayakan beliau.<br>Bagi permohonan anak-anak, tiada pemeriksaan perubatan atau soalan kesihatan diperlukan. Penerimaan dijamin untuk anak-anak. |
| **39.** | **Jika saya telah menyertai polisi individu Etiqa Critical Care Plus untuk diri sendiri, bolehkah saya bertukar ke pakej keluarga?** |
| | Tidak, penukaran adalah tidak dibenarkan untuk pelan ini. Sekiranya anda ingin melanjutkan perlindungan kepada ahli keluarga anda, sehingga maksimum 11 orang ahli (1 pasangan & 10 anak-anak), anda diminta untuk memohon pelan baru bersama dengan ahli-ahli keluarga anda. |
| **40.** | **Apakah jumlah yang diinsuranskan layak untuk ahli keluarga saya?** |
| | Pasangan – minimum RM10,000, dengan peningkatan setiap RM5,000. Jumlah yang diinsuranskan maksimum adalah RM200,000<br>Anak – ditentukan pada 20% jumah yang diinsuranskan ahli KWSP.<br>***Nota:***<br>*1. Jumlah yang diinsuranskan pasangan adalah sama dengan atau lebih rendah daripada jumlah yang diinsuranskan ahli KWSP.* |

| | |
|---|---|
| | 2. *Sekiranya terdapat sebarang penukaran ke atas jumlah yang diinsuranskan ahli KWSP, jumlah yang diinsuranskan pasangan dan anak akan dilaraskan sewajarnya.* |
| **41.** | **Adakah jumlah yang diinsuranskan dikongsi oleh semua ahli keluarga?** |
| | Ia tidak dikongsi. Setiap ahli keluarga akan mempunyai jumlah yang diinsuranskan sendiri mengikut jumlah yang diinsuranskan yang dipilih. Apa-apa tuntutan dari salah satu ahli keluarga, tidak akan menjejaskan jumlah yang diinsuraskan ahli keluarga yang lain. |
| **42.** | **Berapa yang perlu saya bayar untuk pakej keluarga?** |
| | Ia bergantung kepada bilangan ahli keluarga yang mendaftar pakej keluarga. Premium bagi setiap ahli keluarga anda adalah berdasarkan kepada jumlah yang diinsuranskan, jantina dan umur hari jadi berikutnya pada tarikh permulaan masing-masing. Anda diminta membayar jumlah premium di bawah pakej keluarga sepanjang tempoh polisi. |
| **43.** | **Bagaimana jika anak saya berumur 17 tahun ke atas? Bolehkah dia dimasukkan ke dalam pakej keluarga saya?** |
| | Anak-anak berumur 17 tahun (umur pada hari jadi berikutnya) dan ke atas ditakrifkan sebagai orang dewasa dan tidak boleh dimasukkan ke dalam pakej keluarga anda.<br>Sebagai alternatif, sekiranya anak anda adalah seorang ahli KWSP, beliau boleh memohon pelan Etiqa Critical Care Plus individu. Sekiranya anak anda sudah berkahwin, maka dia boleh membuat pertimbangan untuk memohon pakej keluarganya sendiri. |
| **44.** | **Selepas membeli pakej keluarga, bolehkah saya menambah atau membatalkan ahli keluarga?** |
| | Penambahan ahli baru adalah tidak dibenarkan. Anda perlu memohon pakej keluarga yang baru bersama dengan ahli keluarga tambahan.<br>Pembatalan ahli keluarga adalah dibenarkan pada tarikh pembayaran premium berikutnya atas permintaan. |
| **45.** | **Apakah akan berlaku kepada polisi-polisi ahli keluarga saya jika polisi saya telah membuat tuntutan penuh dalam tempoh polisi?** |
| | Sebagai pemilik polisi dan juga orang utama yang diinsuranskan, apabila polisi anda ditamatkan disebabkan oleh tuntutan manfaat insurans, polisi ahli keluarga dalam pakej keluarga akan ditamatkan juga pada akhir tahun polisi semasa.<br>**<u>Contoh 1:</u>**<br>Ali memohon pakej keluarga Etiqa Critical Care Plus untuk diri sendiri, pasangan dia (Sofia) dan anak (Anis), dengan jumlah perlindungan sebanyak RM100,000 untuk diri sendiri dan Sofia, dan RM20,000 untuk Anis. 2 tahun kemudian, Ali didiagnosis dengan kanser.<br>Tarikh permulaan polisi – 1/1/2024<br>Bayaran tuntutan kanser pada Jun 2026, polisi Ali ditamatkan.<br><br>***Nota*** *–Polisi bagi Sofia dan Anis masih berkuatkuasa dan memberikan perlindungan sampai akhir tahun polisi tersebut, dimana adalah 31/12/2026, dan akan ditamatkan kemudian.*<br>*Walau bagaimanapun, jika Sofia dan Anis merupakan ahli KWSP, mereka layak untuk memohon pelan Etiqa Critical Care Plus individu bagi diri sendiri.* |
| **46.** | **Apakah akan berlaku kepada polisi-polisi ahli keluarga saya sekiranya saya meninggal dunia dalam tempoh polisi?** |

| | |
|---|---|
| | Sekiranya anda sebagai ahli KWSP dan juga pemilik polisi meninggal dunia, polisi anda akan ditamatkan dan tiada manfaat akan dibayar (tiada manfaat kematian dibawah pelan Etiqa Critical Care Plus). Apabila polisi ahli KWSP ditamatkan, polisi ahli keluarga dalam pakej keluarga akan ditamatkan juga pada akhir tahun polisi semasa.<br>**<u>Contoh 1:</u>**<br>Ali memohon pakej keluarga Etiqa Critical Care Plus untuk diri sendiri, pasangan dia (Sofia), dengan jumlah perlindungan sebanyak RM100,000 untuk diri sendiri dan Sofia. 6 tahun kemudian, Ali meninggal dunia dalam satu kemalangan jalan raya.<br>Tarikh permulaan polisi – 1/1/2024<br>Ali meninggal dunia pada Jun 2030, polisi Ali akan ditamatkan.<br><br>***Nota*** *– Polisi bagi Sofia masih berkuatkuasa dan memberikan perlindungan sampai akhir tahun polisi tersebut, dimana adalah 31/12/2030, dan akan ditamatkan kemudian.*<br>*Walau bagaimanapun, jika Sofia merupakan seorang ahli KWSP, dia layak untuk memohon pelan Etiqa Critical Care Plus individu bagi diri sendiri.* |
| **47.** | **Apakah akan berlaku kepada polisi-polisi ahli keluarga saya sekiranya polisi saya telah tamat tempoh?** |
| | Apabila polisi ahli KWSP ditamatkan kerana tamat tempoh polisi, perlindungan ke atas ahli keluarga anda dalam pakej keluarga yang sama akan ditamatkan.<br>**<u>Contoh 1:</u>**<br>Ali, berumur 50 tahun, memohon Etiqa Critical Care Plus untuk diri sendiri dan pasangan dia (Sofia, umur 43 tahun), dengan jumlah perlindungan RM100k setiap individu.<br>Tarikh permulaan polisi - 1/1/2024<br>Polisi Ali tamat tempoh pada 31/12/2044<br><br>***Nota*** *– Polisi Sofia akan tamat tempoh pada umurnya 70 tahun, atau umur 70 Ali, yang mana lebih awal. Polisi Ali tamat tempoh dan ditamatkan pada umur 70 tahun, oleh kerana itu, polisi Sofia juga ditamatkan.*<br>*Walau bagaimanapun, jika Sofia merupakan seorang ahli KWSP, dia layak untuk memohon pelan Etiqa Critical Care Plus individu bagi diri sendiri.* |